

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1994

**PENENTUAN GRED JAWATAN BAGI
PERUNTUKAN JAWATAN PEMBANTU KHAS
[PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)] DAN
ELAUN-ELAUN YANG BERKAITAN DENGAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penentuan gred jawatan bagi peruntukan jawatan Pembantu Khas [Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)] dan jenis serta kadar elaun-elaun tidak berpcen yang layak dibayar kepada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan).

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini ada beberapa Pekeliling Perkhidmatan, Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan dan surat-surat edaran yang berkaitan dengan penentuan gred jawatan yang diperuntukkan Pembantu Khas [Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)] dan penetapan kadar Elaun Pembantu Khas, Elaun

Dua Bahasa dan Elaun Setiausaha Hakim. Pekeliling Perkhidmatan, Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan dan surat-surat edaran tersebut ialah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1988, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 1982, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980, surat JPA.25634/BHG. 249/1/Jld.4/(14) bertarikh 9 Julai 1990, surat JPA.SULIT.324/8/25 Klt.5/(13) bertarikh 26 Mei 1988, surat JPA.SULIT.MBG-4280/D-12/10 bertarikh 25 Ogos 1976, surat JPA.SULIT.313/90/Jld.II/28 bertarikh 29 Oktober 1974 dan surat JPA.SULIT.313/Bhg.90/71 bertarikh 3 April 1973.

3. Kerajaan juga telah mengeluarkan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang baru berkuatkuasa pada 1 Oktober 1994 melalui surat bil. JPA.SULIT 324/14/3/ Klt.6/(58) bertarikh 25 Ogos 1994.

4. Dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru dan berkuatkuasanya skim Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang baru, elaun-elaun bagi perkhidmatan tersebut dan penentuan gred jawatan bagi peruntukan jawatan Pembantu Khas telah dikaji semula.

**PENENTUAN GRED JAWATAN BAGI
PERUNTUKAN PEMBANTU KHAS
[PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)]**

5. Adalah diputuskan bahawa penentuan gred jawatan bagi peruntukan Pembantu Khas [Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)] adalah seperti berikut:

**5.1. Pembantu Khas, [Pembantu Tadbir
(Kesetiausahaan)] Gred N5**

Diperuntukkan kepada:

- (a) Jawatan-jawatan kehakiman seperti di **Jadual I**;
- (b) Jawatan-jawatan Utama Turus I, II dan III serta yang setaraf; dan
- (c) Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Yang DiPertua Dewan Negara.

**5.2. Pembantu Khas, [Pembantu Tadbir
(Kesetiausahaan)] Gred N7**

Diperuntukkan kepada:

- (a) Jawatan Gred Utama A, B, C dan jawatan yang setaraf; dan
- (b) Jawatan Gred Khas A, B, C dan jawatan yang setaraf dengannya tertakluk kepada kelulusan khas Jabatan Perkhidmatan Awam.

**5.3. Pembantu Khas, Pembantu Tadbir
(Kesetiausahaan) Gred N9**

Diperuntukkan kepada:

- (a) Jawatan Gred 1 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) dan yang setaraf dengannya tertakluk kepada kelulusan khas Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (b) Jawatan Gred 2 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) dan yang setaraf dengannya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) jawatan yang disandang adalah sebagai Ketua Jabatan/Bahagian di peringkat Persekutuan/ Negeri/Daerah atau Ketua Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri;
 - (ii) Pembantu Khas diambil daripada jawatan kumpulan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang telah sedia wujud di Jabatan berkenaan; dan
 - (iii) mendapat kelulusan khas Jabatan Perkhidmatan Awam.

ELAUN-ELAUN YANG DILAYAKI

6. Elaun Pembantu Khas

6.1. Elaun Pembantu Khas akan dibayar seperti berikut:

		Gred Jawatan Yang Layak	Gred Pembantu Tadbir (Kesetia- usahaan)	Elaun Sebulan
(a)	(i)	Jawatan-jawatan Kehakiman seperti di Jadual I;	N5	RM125
	(ii)	Jawatan Utama Turus I, II dan III serta yang setaraf;	N5	RM125
	(iii)	Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Yang DiPertua Dewan Negara;	N5	RM125
(b)	(i)	Jawatan Utama Gred A, B, C dan yang setaraf;	N7	RM100
	(ii)	Jawatan Gred Khas A, B, C dan yang setaraf;	N7	RM100
(c)	(i)	Jawatan Gred 1 dan 2 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) , yang setaraf.	N9	RM75

6.2. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) boleh mengisi jawatan Pembantu Khas berlainan gred yang telah ditetapkan seperti di perenggan 6.1. di atas dengan syarat mendapat kelulusan khas Jabatan Perkhidmatan Awam. Elaun yang layak diterima oleh Pembantu Khas tersebut ialah mengikut kadar kelayakan yang ditetapkan bagi gred hakiki jawatan yang disandangnya.

7. Elaun Trengkas Dua Bahasa

7.1. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang telah lulus peperiksaan trengkas Bahasa Inggeris layak dibayar Elaun Trengkas Dua Bahasa iaitu seperti berikut:

Kederaan	Elaun Sebulan
(a) Mengambil trengkas sederhana 80 perkataan seminit (p.s.m.) dan menaip salinan trengkas sederhana 20 p.s.m.	RM85
(b) Mengambil trengkas sederhana 100 p.s.m. dan ke atas dan menaip salinan trengkas sederhana 25 p.s.m.	RM100

7.2. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang lantikan asalnya ialah sebagai Jurutrengkas Bahasa Inggeris yang telah lulus peperiksaan trengkas Bahasa Melayu, bayaran Elaun Trengkas Dua Bahasa adalah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang iaitu seperti berikut:

Kederaan	Elaun Sebulan
(a) Mengambil trengkas sederhana 60 p.s.m. dan menaip salinan trengkas sederhana 20 p.s.m.	RM50
(b) Mengambil trengkas sederhana 80 p.s.m. dan menaip salinan trengkas sederhana 20 p.s.m.	RM75
(c) Mengambil trengkas sederhana 100 p.s.m dan menaip salinan trengkas sederhana 25 p.s.m ke atas.	RM100

8. Elaun Penyelia

8.1. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) atau Pembantu Tadbir Rendah yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan untuk menyelia satu kumpulan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)/Pembantu Tadbir Rendah yang bilangannya tidak kurang daripada 10 orang layak dibayar Elaun Penyelia sebanyak RM60.00 sebulan.

SYARAT-SYARAT KHAS

9. Sekiranya Ketua Jabatan mendapati bahawa mutu kecekapan dalam pengambilan trengkas dan menaip bagi seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang menerima mana-mana elaun di atas telah merosot, maka Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) berkenaan boleh dikehendaki mengambil peperiksaan trengkas dan menaip. Sekiranya Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) berkenaan gagal mencapai tahap kecekapan yang diperlukan elaun-elaun yang dilayaki akan diberhentikan. Elaun tersebut tidak akan diperbaharui sehingga Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) itu telah lulus peperiksaan yang berkenaan.

10. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N9 yang dilantik menjadi Pembantu Khas hendaklah mereka yang telah disahkan dalam perkhidmatan. Sekiranya tiada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang telah disahkan dalam perkhidmatan untuk ditempatkan sebagai Pembantu Khas, setelah mengambilkira seorang Pembantu Khas adalah benar-benar diperlukan, maka Ketua Jabatan boleh mengatur Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang belum disahkan dalam perkhidmatan untuk menjalankan tugas Pembantu Khas sepenuh masa dan dibayar Elaun Pembantu Khas sebanyak RM75 sebulan.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Oktober 1994.


PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.

PEMBATALAN DAN PINDAAN

13. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, pembatalan dan pindaan dibuat ke atas Pekeliling, Surat-surat Pekeliling dan Surat-surat Edaran yang disenaraikan seperti di Lampiran 'A'.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

24 November 1994.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan